



**PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA
(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)**

UNIT 715 & 716, BLOK A, TINGKAT 7
KELANA BUSINESS CENTRE, JALAN SS7/2, KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL. : 03-7804 7359/03-7804 9358
FAKS : 03-7886 7246/ 03-7803 8691

**CADANGAN PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (PIKM)
MENGENAI RANSANGAN EKONOMI BAGI SYARIKAT KAWALAN
KESELAMATAN SWASTA LANJUTAN PENGUMUMAN PAKEJ RANSANGAN
EKONOMI (PRIHATIN) OLEH YAB PERDANA MENTERI**

Selain dari inisiatif PIKM mengemukakan **Cadangan Pakej Rangsangan Ekonomi Bagi Industri Keselamatan Swasta Malaysia** kepada Menteri Kewangan, melalui surat PIKM bertarikh 24 Mac 2020, terkini PIKM telah mengusulkan **Cadangan Rangsangan Ekonomi bagi Syarikat Kawalan Keselamatan Swasta** kepada YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), salinan kepada YAB Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi lanjutan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN) oleh YAB Perdana Menteri bertarikh 31 Mac 2020.

Berikut merupakan ringkasan cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan untuk makluman Ahli-ahli PIKM:

1. Proses Pembayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Yang Telah Dilaksanakan

Syarikat keselamatan yang menjalankan perkhidmatan dengan sektor kerajaan / kementerian menghadapi masalah menerima bayaran perkhidmatan berikutan ketiadaan pegawai dan staf sokongan di pejabat Kerajaan. Proses pengesahan perkhidmatan yang telah dilaksanakan tiada atau lewat diambil tindakan termasuk perlaksanaan pengesahan serta mendapatkan maklumbalas berkenaan status *invoice* dan bayaran.

Cadangan:

- 1.1. Disarankan pelanggan dari sektor kerajaan melaksanakan **pembayaran segera bagi tunggakan semasa dan terdahulu**. Ketika ini, **pembayaran perkhidmatan keselamatan bagi bulan Januari 2020 didapati masih belum dilunaskan oleh Kerajaan**. Malah terdapat tunggakan pelarasan bagi tempoh kenaikan **Perintah Gaji Minimum** sebelum ini juga masih **belum di selaraskan**.
- 1.2. Kerajaan **mengurangkan birokrasi** dengan tidak meminta data tunggakan pembayaran dari PIKM sedangkan agensi terlibat mempunyai data atau butiran pembayaran tersebut.
- 1.3. **Tindakan membenarkan** guru besar / pengetua atau pegawai bertanggungjawab di sekolah-sekolah, PPD dan pegawai bertanggungjawab di agensi lain atau **diberi kelonggaran membuat pergerakan** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membuat pengesahan ke atas perkhidmatan keselamatan yang telah dilaksanakan oleh syarikat keselamatan.

- 1.4. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan penangguhan pembayaran perkhidmatan dan tentunya **menjejaskan bayaran gaji dan kerja lebih masa** pengawal keselamatan serta aliran tunai syarikat.
- 1.5. Pembayaran bagi perkhidmatan penting (*essential services*) keselamatan swasta sepanjang tempoh PKP ini dapat dilakukan secara **bayaran terus** apabila kesemua invoice kepada pihak kerajaan telah dilengkapkan dan disahkan.

2. Aliran Tunai Syarikat

Sebagai perniagaan kecil dan sederhana syarikat keselamatan tidak terkecuali dari memerlukan kemudahan factoring dan perbankan untuk perniagaannya. Dalam pada itu, pembayaran perkhidmatan secara konsisten adalah kritikal bagi menentukan aliran tunai yang sihat.

Cadangan:

- 2.1. Jika proses pembayaran perkhidmatan gagal dilaksanakan Aliran Tunai syarikat akan terjejas.
- 2.2. Kebanyakan syarikat keselamatan yang menggunakan kemudahan fasiliti **factoring** akan terjejas jika dokumen-dokumen yang memerlukan pengesahan pegawai bertanggungjawab di sekolah atau agensi kerajaan lain tidak bergerak sepanjang tempoh PKP. Perkara ini **amat kritikal** untuk diambil tindakan sewajarnya.
- 2.3. PIKM mencadangkan pertimbangan supaya **pengecualian faedah tanpa cagaran** bagi semua kemudahan pinjaman bank sehingga Mac 2021.
- 2.4. **Kelonggaran pembayaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** bagi industri keselamatan setiap enam (6) bulan sekali bagi industri keselamatan sehingga Mac 2021.

3. Program Subsidi Upah Untuk Membantu Majikan Mengekalkan Pekerja

Sepanjang tempoh PKP ini, pihak pelanggan, terutamanya di sektor swasta, telah mengurangkan jumlah kekuatan operasi pengawal keselamatan. Namun pengawal keselamatan yang tidak ditugaskan masih tetap perlu dibayar gaji pokok RM1,100 / RM1,200, termasuk pembayaran mandatori lain seperti KWSP, EIS dan PERKESO. Sebagai contoh, ketentuan jumlah pengawal yang dipersetujui antara pelanggan dan syarikat keselamatan adalah seramai 20 orang. Oleh kerana arahan PKP, pelanggan mengambil keputusan untuk mengurangkan jumlah bilangan pengawal kepada separuh kekuatan sahaja iaitu (10 orang) dan hanya membayar untuk 10 orang pengawal tersebut. Majikan berdepan dengan cabaran untuk mengeluarkan peruntukan tambahan bagi membayar gaji dan bayaran statutori bagi 10 orang pengawal yang tidak ditugaskan. Ini belum lagi termasuk kos untuk menggantikan pengawal keselamatan barisan hadapan yang bekerja 24 Jam / 7 Hari Seminggu, yang perlu di kuarantin akibat jangkitan atau mengalami simptom Covid-19.

Cadangan:

- 3.1. Selain memperkenalkan Program Khidmat Rundingan Majikan KWSP, PIKM juga berharap kerajaan dapat memberi **kelonggaran sama untuk pembayaran statutori lain seperti EIS**

dan PERKESO semasa tempoh PKP, termasuk pengecualian pembayaran FOMEMA dan levi untuk penggajian pengawal keselamatan warganegara Nepal bagi tahun 2020.

- 3.2. Mohon kerajaan **mempertimbangkan pengurangan peratusan caruman KWSP oleh majikan kepada 4%** (selaras dengan caruman pekerja). Ini bagi mengimbangi tekanan ekonomi yang juga turut dirasakan oleh pihak majikan dan memastikan majikan dapat mengekalkan pekerja.
- 3.3. **Bantuan pengurangan** bayaran tunggakan **penalti** terhadap ahli-ahli PIKM **sebanyak 50%** untuk kesemua penalti statutori yang wajib seperti KWSP, SOCSO, Kastam dan LHDN. Ini kerana kebanyakan penalti ini disebabkan oleh kelewatan ahli menerima bayaran dari pelanggan yang seterusnya mengganggu perjalanan tunai syarikat. Bantuan atau subsidi ini dapat memastikan majikan kekal berdaya saing dan mengekalkan kadar pekerjaan dalam pasaran, terutama pada situasi ketika ini.
- 3.4. Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), telah menyediakan bantuan khas penggajian kepada pekerja yang terlibat dengan kontrak perkhidmatan. Namun tidak dinyatakan dengan jelas Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (PKK) sebagai salah satu contoh di dalam ucapan YAB Perdana Menteri. PIKM berharap, bantuan khas ini juga **terpakai untuk Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta**. Ini kerana, **setiap pengawal yang terdedah** dan tidak dapat hadir bekerja akibat **jangkitan atau simptom covid 19, harus dibayar gaji penuh**. Manakala **syarikat** terpaksa **mengeluarkan kos tambahan menggaji pengawal ganti** sepanjang tempoh 14 Hari kuarantin tersebut.

4. **Bantuan Peralatan Bagi Pekerja Menghadapi Pandemik Covid-19**

Perkhidmatan kawalan keselamatan memerlukan pekerja menjaga premis pelanggan tanpa gagal. Pihak majikan terpaksa memperuntukkan kos untuk pembelian peralatan tambahan seperti topeng muka, *hand sanitizer*, *hand glove* seperti yang disarankan oleh kerajaan. Ketika ini, industri keselamatan mempunyai kekuatan secara anggaran seramai 150,000 orang pengawal tempatan dan 30,000 orang pengawal Nepal. Tiada subsidi pembekalan diberikan pihak kerajaan terhadap industri ini walaupun umumnya, kami juga sebahagian dari perkhidmatan penting (*essential service*) dan **frontliners** dengan perkhidmatan 24 Jam, 7 Hari seminggu tanpa gagal.

Cadangan:

- 4.1. Dipohon kerajaan memperuntukkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan **secara percuma** peralatan mengawal pandemik Covid-19.
- 4.2. Jika tidak, PIKM memohon supaya pembelian peralatan berkenaan oleh syarikat keselamatan **dibayar balik atau ditawarkan dalam bentuk imbuhan**.

Dato' Sri Hj Ramli Bin Hj Yusuff
Presiden Persatuan Industri Keselamatan Malaysia

1 April 2020